


Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Meluangkan Masa untuk Juruselamat

Musim Krismas telahpun tiba sekali lagi dan bersamanya permulaan satu tahun yang baru. Ia seolah-olah hanya kelmarin kita menyambut kelahiran Juruselamat dan membuat resolusi.

Di antara resolusi-resolusi tahun ini, adakah kita membuat resolusi untuk meluangkan masa kehidupan dan ruang hati untuk Juruselamat? Tidak kisah betapa berjaya-nya kita setakat ini dengan resolusi sedemikian, saya yakin kita semua ingin menjadi lebih baik. Musim Krismas inilah masa yang sesuai untuk memeriksa dan memperbaharui usaha-usaha kita.

Dalam kehidupan yang sibuk dengan pelbagai perkara yang bersaing untuk perhatian kita, kita perlu berusaha untuk membawa Kristus ke dalam kehidupan dan rumah kita. Dan ia penting agar kita, bagai Orang Bijaksana dari Timur, menumpu dengan tetap kepada bintang-Nya dan “datang untuk menyembah-Nya.”¹

Sepanjang sejarah, pesanan dari Yesus adalah sama. Kepada Petrus dan Andreas di tepi pantai Galilea, Dia berkata, “Ikutlah aku.”² Kepada Filipus datangnya panggilan, “Ikutlah aku.”³ Kepada orang Levi yang mengikuti adat-adat datangnya arahan, “Ikutlah aku.”⁴ Dan kepada anda dan saya, jika kita hanya dengar, akan datangnya jemputan yang sama: “Ikutlah aku.”⁵

Apabila kita mengikuti jejak langkah-Nya hari ini dan meneladani contoh-Nya, kita akan berpeluang untuk memberkati kehidupan orang lain. Yesus menjemput kita

untuk mendermakan diri: “Lihatlah, Tuhan menuntut hati dan suatu fikiran yang rela.”⁶

Adakah sesiapa yang anda patut memberi layanan di musim Krismas ini? Adakah sesiapa yang menunggu lawatan anda?

Beberapa tahun yang lalu, saya melawat seorang janda tua pada musim Krismas. Semasa di sana, loceng pintu berbunyi. Terdiri di pintu adalah seorang doktor yang amat sibuk dan terkenal. Dia tidak dipanggil; tetapi, dia hanya terasa dia perlu melawat seorang pesakit yang kesepian.

Pada musim ini, hati mereka yang sepi memerlukan dan mengingini lawatan Krismas. Pada satu Krismas lalu semasa melawat satu pusat penjagaan, saya duduk dan bersembang dengan lima wanita warga tua, yang paling tua berumur 101 tahun. Dia sudahpun buta, namun masih mengenali suara saya.

“Uskup, kamu sedikit lewat tahun ini!” dia berkata. “Saya fikirkan kamu tidak akan datang.”

Kami mempunyai masa yang indah bersama. Walau bagaimanapun, terdapat seorang pesakit, melihat luar tingkap dan berkata dengan berulang kali, “Saya tahu anak lelaki saya akan datang melawat saya hari ini.” Saya tertanya-tanya jika dia akan datang kerana dia tidak pernah menelefon pada musim-musim Krismas sebelumnya.

Tahun ini kita masih berpeluang untuk menghulurkan tangan bantuan, hati yang penuh kasih, jiwa yang rela—dalam kata lain, mengikut contoh yang ditunjuk

oleh Juruselamat dan melayan secara yang Dia ingin kita melayan. Apabila kita melayani-Nya, kita tidak akan kehilangan peluang, sepertimana pemilik penginapan dahulu,⁷ untuk meluangkan masa bagi-Nya dalam hidup dan ruang untuk-Nya dalam hati kita.

Bolehkah kita memahami janji hebat pesanan yang diberi oleh malaikat kepada gembala-gembala di padang: “Aku datang membawa Berita Baik untuk kamu, berita yang akan menggembarakan semua orang: . . . Pada hari ini di kota Daud telah lahir . . . Penyelamat kamu, Kristus, Tuhan?”⁸

Ketika kita saling bertukar hadiah di musim Krismas, semoga kita mengingati, menghargai, dan menerima hadiah yang paling hebat di kalangan semua hadiah—kurniaan Juruselamat dan Penebus kita, agar kita boleh memperoleh kehidupan abadi.

“Kerana apakah itu menguntungkan seseorang jika suatu kurnia dilimpahkan ke atas dirinya, dan dia tidak menerima kurnia itu? Lihatlah, dia tidak bersukacita dalam apa yang diberikan kepadanya, tidak juga bersukacita dalam dirinya yang adalah pemberi kurnia itu.”⁹

Semoga kita mengikuti-Nya, melayani-Nya, menghormati-Nya, dan menerima kurnia-kurnia-Nya dalam hidup kita, agar kita boleh, dalam kata Bapa Lehi, “dikelilingi secara abadi di dalam pelukan kasih-Nya.”¹⁰

NOTA-NOTA

1. Matius 2:2.
2. Matius 4:19.
3. Yohanes 1:43.
4. Matius 9:9.
5. Ajaran dan Perjanjian 38:22.
6. Ajaran dan Perjanjian 64:34.
7. Lihat Lukas 2:7
8. Lukas 2:10–11.
9. Ajaran dan Perjanjian 88:33.
10. 2 Nefi 1:15.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Monson menyeru kita “berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa Kristus ke dalam kehidupan dan rumah kita.” Berbincanglah dengan mereka yang kamu ajar tentang bagaimana mereka boleh berusaha secara individu dan sebagai keluarga. Kamu boleh minta mereka untuk berfikir tentang seseorang atau keluarga tertentu yang boleh dilawat atau dilayan

Krismas ini. “Tahun ini masih terdapat peluang untuk menghulurkan tangan bantuan, hati yang penuh kasih, dan jiwa yang rela.”

REMAJA

Cara-cara untuk Melayan pada musim Krismas

Presiden Monson mengambil masa untuk melawat warga tua dan mereka di pusat jagaan, terutamanya pada musim Krismas. Dia perasan terdapat mereka yang gembira kerana menerima pelawat, namun terdapat mereka yang hanya berharap untuk pelawat yang tidak datang. Terdapat mereka yang menunggu seseorang—mungkin Krismas ini, *kamu* boleh menjadi seseorang itu.

Berikut adalah senarai cara-cara agar kamu boleh memastikan tiada sesiapa yang berasa sepi Krismas ini. Cuba fikirkan cara-cara lain yang boleh dilakukan untuk membantu komuniti kamu musim ini. “Adakah seseorang yang menunggu lawatan kamu?”

- Buat kad Krismas untuk dihantar kepada mubaligh-mubaligh dan ahli gereja warga tua dan yang keseorangan di bahagian atau cabang kamu.
- Jadi sukarelawan dengan organisasi komuniti tempatan.
- Beri Kitab Mormon sebagai hadiah Krismas kepada kawan-kawan dan jiran-jiran.
- Melawat warga tua dalam bahagian atau keluarga kamu.
- Buat makanan dan berikan kepada jiran-jiran kamu.

KANAK-KANAK

Ikutlah Cahaya

Selepas kelahiran Yesus, Orang Bijaksana membawa hadiah-hadiah kepada-Nya. Mereka telah mengikut bintang yang terang dan baru di langit untuk mencari-Nya. Apakah hadiah yang kamu boleh beri kepada Yesus Krismas ini?



Sifat-sifat Ilahi Yesus Kristus: Belas Kasihan dan Baik Hati

Iman, Keluarga, Pertolongan

Kaji bahan pengajaran ini dan berdoa untuk mengetahui apa yang harus dikongsikan. Bagaimana pemahaman sifat-sifat ilahi Juruselamat akan meningkatkan iman kamu kepada-Nya dan memberkati mereka yang kamu awasi melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian daripada siri-siri Pesanan Pengajaran Berkunjung berkenaan sifat-sifat ilahi Juruselamat.

"**D**alam kitab suci, belas kasihan bermakna 'menderita dengan.' Ia juga bermakna menunjukkan rasa simpati, kasihan dan rahmat terhadap orang lain."¹

"Yesus telah memberi kita banyak contoh mengenai belas kasihan," kata Presiden Thomas S. Monson. "Lelaki lumpuh di kolam Betesda; wanita yang berzina; wanita di perigi Yakub; anak perempuan Yairus; Lazarus, saudara Maria dan Marta—setiap satu mewakili mangsa dalam perjalanan Yerikho. Setiap satu memerlukan pertolongan.

"Kepada yang lumpuh di kolam Betesda, Yesus berkata, 'Bangunlah, angkatlah tikarmu, dan berjalanlah.' Kepada wanita berdosa yang datang, dia menasihati, 'Pergilah, dan janganlah berdosa lagi.' Untuk menolong dia yang datang untuk mengambil air, Dia menyediakan mata air yang 'memancar di dalam dirinya dan memberi dia hidup sejati dan kekal.' Kepada anak perempuan Yairus yang meninggal datangnya arahan, 'Anak perempuan, Aku berkata kepadamu: Bangun!' Kepada Lazarus yang telah dikuburkan, 'Keluar.'

"Juruselamat selalu menunjukkan belas kasihan yang tidak terhad. . . . Mari kita buka pintu hati kita, supaya Dia—teladan hidup untuk belas kasihan yang tulen—boleh masuk."²

Ayat-ayat Suci Tambahan

Mazmur 145:8; Zakaria 7:9; 1-Petrus 3:8; Mosia 15:1, 9; 3-Nefi 17:5—7

Dari Tulisan Suci

"Suami saya dan saya berlutut di sebelah anak perempuan kami yang berumur 17 tahun dan merayu untuk hidupnya," kata Linda—S. Reeves, penasihat kedua dalam presidensi umum Lembaga Pertolongan. "Jawapannya adalah tidak, tetapi . . . kami mengetahui . . . bahawa . . . [Juruselamat] merasai belas kasihan untuk kita semasa kita dalam kesedihan."³

"Salah satu cerita kegemaran saya dari hidup Juruselamat adalah cerita mengenai Lazarus. Kitab suci memberitahu kita bahawa 'Yesus mengasihinya Marta, . . . saudarinya [Maria], dan [saudara mereka] Lazarus.'⁴ Apabila Lazarus jatuh sakit, khabar telah dihantar kepada Yesus, tetapi apabila Dia sampai Lazarus sudah meninggal dunia. Maria berlari kepada Yesus, jatuh pada kaki-Nya,

dan menangis. Apabila Yesus melihat Maria menangis, "dia sedih hati dan terharu, dan . . . menangis" (Yohanes 11:33, 35).

"Itu adalah tugas kita. Kita mesti merasai dan melihat untuk diri kita sendiri dan kemudian menolong semua anak-anak Bapa Syurgawi untuk merasa dan melihat dan mengetahui bahawa Juruselamat kita telah mengambil bukan sahaja dosa-dosa kita tetapi juga kesedihan dan penderitaan dan kesengsaraan kita supaya Dia boleh tahu perasaan kita dan bagaimana untuk menghiburkan kita."⁵

NOTA-NOTA

1. Guide to the Scriptures, "Compassion."
2. Thomas S. Monson, "The Gift of Compassion," *Liahona*, Mar. 2007, 4–5, 8.
3. Linda S. Reeves, "The Lord Has Not Forgotten You," *Ensign atau Liahona*, Nov. 2012, 120.
4. Linda S. Reeves, "The Lord Has Not Forgotten You," 118.
5. Linda S. Reeves, "The Lord Has Not Forgotten You," 120.

Pertimbangkan Ini

Siapakah yang boleh diberkati oleh rasa kasihan anda?